



HANDBOOK PELITAWANIS TNB

Edisi 4

PELITAWANIS TNB (PTNB)



VISI

Menjadi di antara Persatuan Wanita yang terunggul dalam pembangunan diri, keluarga, syarikat dan masyarakat

MISI

Membentuk wanita yang berwawasan, intelektual dan prihatin agar dapat menyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan generasi akan datang

NILAI-NILAI TERAS PTNB



Integriti	Kerjasama	Profesionalisme	Komitmen & Tanggungjawab	Berwawasan	Prihatin
<p>Kami konsisten kepada prinsip integriti berlandaskan kepada etika dan nilai moral.</p>	<p>Kami percaya pada semangat bekerjasama di antara Persatuan, Ahli dan Masyarakat.</p>	<p>Kami bertanggungjawab terhadap semua inisiatif dan bertindak secara profesional.</p>	<p>Kami komited untuk proaktif dan bertanggungjawab.</p>	<p>Kami komited untuk terus meningkatkan pertumbuhan PELITAWANIS TNB dan ahli kami.</p>	<p>Dalam apa jua yang kami lakukan, kami berusaha untuk memberi manfaat kepada ahli dan masyarakat.</p>
<p><i>Behavioral Statement</i> Kami bertanggungjawab ke atas tindakan yang dilakukan.</p>	<p><i>Behavioral statement</i> Kami menghargai dan bekerjasama dengan semua untuk tujuan yang sama.</p>	<p><i>Behavioral statement</i> Kami mematuhi kod etika dan piawaian bagi mengatur pelaksanaan aktiviti secara profesional.</p>	<p><i>Behavioral statement</i> Kami terlibat secara aktif dalam menyampaikan tujuan dan visi kami.</p>	<p><i>Behavioural Statement</i> Kami menerapkan perubahan positif dan memacu kecemerlangan.</p>	<p><i>Behavioural statement</i> Kami meletakkan keperluan orang lain melebihi keperluan sendiri.</p>
<p>Kami konsisten dalam kata-kata dan juga tindakan.</p>	<p>Kami membina kepercayaan dengan memberi serta menerima maklumbalas.</p>	<p>Kami berkomunikasi dengan jelas mengenai aktiviti-aktiviti kami serta peningkatan kualiti perkhidmatan.</p>	<p>Kami sentiasa bersedia untuk membantu insan lain yang memerlukan.</p>	<p>Kami mengutamakan kepimpinan dan pertumbuhan wanita.</p>	<p>Kami mendengar dan mengambil berat.</p>
<p>Kami mendokong bersikap jujur dalam semua perkara.</p>	<p>Kami membuka peluang untuk melakukan aktiviti yang bermakna bersama-sama.</p>	<p>Kami mengamalkan sikap dan tingkah laku yang sopan.</p>	<p><i>Kami komited untuk membangunkan persekitaran yang penyayang.</i></p>	<p>Kami bertekad dengan apa yang kami laksanakan.</p>	<p>Kami membantu mereka yang memerlukan untuk membina kehidupan yang lebih bermakna.</p>
<p>Kami hormat kepada semua orang.</p>	<p>Kami berkolaborasi dengan persatuan dalaman dan luaran untuk berkhidmat kepada masyarakat.</p>	<p>Kami menghargai kepelbagaian idea</p>	<p>Kami bertanggungjawab untuk menyokong ahli dan masyarakat untuk peningkatan kehidupan mereka.</p>	<p>Keutamaan kami adalah memberi yang terbaik kepada ahli dan masyarakat.</p>	<p>Kami melayan mereka yang memerlukan dengan penuh prihatin. .</p>

LATAR BELAKANG



PELITAWANIS telah ditubuhkan pada 15 Februari 1976 (Protem) dan secara rasmi diperbadankan dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan pada 6 Januari 1978. Pengasas pertubuhan ini ialah Allahyarhamah Puan Sri Datin Hj Zaidah bt Dato' Abu Bakar.



Selaras dengan penswastaaan LLN (Lembaga Letrik Negara) kepada TNB, perlembagaan baharu telah digubal pada 8hb Jun 1992 dan ditukar nama kepada Persatuan Wanita Tenaga Nasional Berhad atau lebih dikenali sebagai **PELITAWANIS TNB**.

Tujuan utama penubuhan PELITAWANIS TNB adalah sebagai satu platform bagi mengeratkan tali persahabatan dan ukhwah serta kerjasama yang erat antara Pengurusan TNB, warga kerja wanita dan isteri kepada warga kerja lelaki TNB dari semua peringkat di dalam TNB dan juga anak-anak syarikat TNB. Sehingga kini, terdapat 61 cawangan PELITAWANIS TNB dari seluruh Semenanjung dengan keahlian seramai 6,444 orang (setakat 08.08.2023).


PELITAWANIS TNB merupakan salah satu persatuan di dalam TNB yang bergerak seiring dengan persatuan-persatuan lain di dalam TNB. PELITAWANIS TNB sangat bergiat aktif dan menyumbang kepada nilai tambah TNB melalui pelbagai aktiviti yang digerakkan melalui biro-bironya (Sosial, Pendidikan, Sukan, Kebajikan dan Pentadbiran & Komunikasi).

KEPIMPINAN PELITAWANIS TNB

SEJAK DITUBUHKAN PADA 15 FEBRUARI 1976



PENGASAS PTNB
Allahyarhamah Puan Sri
Datin Zaidah binti Dato'
Abu Bakar 1976-1984



Y. Bhg. Puan Sri Datin
Suriyah binti Abdullah
1984-1989



Y. Bhg. Datin Kalsom
binti Sutan Pulin 1989-
1990



Allahyarhamah Puan Sri
Sainah binti Ahmad
1990-1996



Y. Bhg. Puan Sri Datin
Amnah binti Jaffar 1996-
2000



Y. Bhg. Datin Hasnah
binti Abdul Ghani
2000-2001



Y. Bhg. Datin Dr.
Kobkua Suwannathat
Pian 2001-2004



Y. Bhg. Puan Sri Suzlifah
Hanim binti Mohamad
Atil 2004-2012



Y. Bhg. Datin Seri Noor
Afizah binti Ahmad Noor
2012-2019



Y. Bhg. Datin Seri
Aidah binti Abu
2019-2021

LAGU PELITAWANIS TNB




Persatuan Wanita Tenaga Nasional
Eratkan persahabatan kita
Lambang persaudaraan
Kemesraan sekata


Tak kira bangsa dan agama
Anggaphlah kita satu golongan
Susah ataupun senang
Itulah pengorbanan

Chorus:

Niat sucimu tidak ternilai
PELITAWANIS TNB
Terus berjaya

Memupuk muhibah di antara kita
Dengan sumbangan semua ahlinya
PELITAWANIS TNB
Berbakti pada Syarikat dan Negara





61 Cawangan

FAQ



No.	Questions
1.	Bagaimana cara membuat potongan gaji untuk bayaran yuran tahunan ahli PTNB?
	<p>Cawangan hanya perlu majukan senarai nama ahli & nombor pekerja (excel format) yang telah disahkan benar kepada Bahagian Pengurusan Gaji (email: hrssc-payroll-thirdp@tnb.com.my). Cara potongan gaji perlu dimaklumkan samada potongan secara suku tahunan, dua kali setahun ataupun setahun sekali mengikut kesesuaian cawangan masing-masing.</p>
2.	Apakah tuntutan yang dibenarkan untuk seorang ahli yang merupakan pekerja TNB dan apakah kelayakkannya?
	<p>Ahli PTNB yang merupakan pekerja TNB boleh membuat tuntutan kepada syarikat hanya untuk aktiviti rasmi yang dianjurkan oleh PTNB Kebangsaan sahaja dengan menyertakan surat kelulusan dari syarikat (yang akan diuruskan oleh Urusetia PTNB). Kelayakan adalah mengikut terma & syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarikat berdasarkan kelayakan masing-masing.</p>

FAQ



No.	Questions
3.	Apakah contoh tuntutan yang dibenarkan untuk aktiviti PELITAWANIS TNB?
	Contoh aktiviti rasmi PTNB yang dibenarkan antaranya Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan, semua aktiviti berkaitan dengan sukan, Pertandingan Nasyyid atau lain-lain program/aktiviti yang dianjurkan oleh PTNB Kebangsaan dari masa ke semasa.
4.	Persoalan berkaitan dengan penginapan/pengangkutan bagi ahli yang merupakan suri rumah
	Cadangan adalah untuk berkongsi dengan ahli yang bekerja. Untuk makluman, AJK PTNB Kebangsaan juga mengamalkan perkara yang sama. Atau mengikut budi bicara/kesesuaian cawangan masing-masing.

FAQ



No.	Questions
5.	Bolehkah ahli memilih untuk menjadi ahli di cawangan yang mereka sukai?
	Boleh.
6.	Apakah no caj kod untuk mendapatkan perkhidmatan kenderaan dari JFM?
	Nombor caj kod adalah JO055391500
7.	Apakah ahli PTNB yang merupakan suri rumah diindungi insuran TNB?
	Ya, semua ahli PTNB dilindungi insuran TNB secara berkelompok bagi semua aktiviti rasmi PTNB.



FAQ

No.	Questions
8.	Sekiranya terjadi kemalangan, ahli PTNB yang merupakan suri rumah turut sama menggunakan kenderaan syarikat untuk aktiviti rasmi PTNB, adakah mereka dilindungi?
	Ya, mereka masih dilindungi kerana dalam perjalanan ke tempat aktiviti.
9.	Apakah aktiviti Kebangsaan yang dianjurkan bersama dengan cawangan?
	Antara aktiviti Kebangsaan yang dijalankan bersama dengan cawangan adalah seperti program Ceria Ke Sekolah, <i>Better Brighter</i> , Sukan Tradisional, penyediaan Bingkisan Aidilfitri untuk TNB dan lain-lain berdasarkan aktiviti/program yang dirancang pada setiap tahun.
10.	Perluakah borang pertukaran cawangan diisi?
	Perlu.

FAQ



No.	Questions
11.	Sekiranya isteri Ketua Jabatan yang tertinggi di cawangan tersebut tidak dapat menjadi Pengerusi atas sebab-sebab tertentu, siapakah calon lain yang sesuai untuk mengisi tempat tersebut?
	Seorang pegawai wanita tertinggi di tempat tersebut boleh dilantik sebagai Pengerusi atau isteri kepada salah seorang pegawai tertinggi lelaki yang lain boleh dilantik mengikut budi bicara Ketua Jabatan atau dipilih oleh PTNB Kebangsaan.
12.	Bagaimanakah cawangan hendak mengadakan aktiviti sekiranya cawangan tiada kewangan yang banyak?
	Cawangan perlu kreatif untuk menambah dana. Tiada cawangan pun yang terus bermula dengan dana yang banyak tetapi mereka berusaha dengan pelbagai cara untuk meningkatkan kewangan mereka. Ini perlu kerjasama dan usaha dari semua ahli & AJK. Walau bagaimanapun, tidak semua aktiviti memerlukan dana yang banyak dan cawangan masih boleh menjalankan aktiviti di premis syarikat atau tempat-tempat yang tidak perlu bayaran.

FAQ



No.	Questions
13.	Bagaimana menangani Ketua Jabatan yang tidak memberi kerjasama dan tidak menggalakkan aktiviti berpersatuan di pejabat?
	Semua ahli-ahli PTNB perlu menunjukkan komitmen yang tinggi di tempat kerja dan pastikan aktiviti PTNB tidak menjejaskan kerja-kerja pejabat. Ketua Jabatan juga perlu diberi gambaran yang PTNB turut membantu syarikat dalam memastikan pekerja-pekerja ada <i>'work life balance'</i> yang dapat membawa ke arah produktiviti syarikat.
14.	Siapakah yang layak untuk menjadi ahli seumur hidup?
	Semua ahli-ahli biasa (atau suami ahli biasa) yang akan/baharu menamatkan perkhidmatan mereka dengan TNB samada bersara, tamat kontrak atau meletak jawatan. Kelulusan adalah atas pertimbangan Jawatankuasa PTNB Kebangsaan.



PESANAN & NASIHAT

Antara pesanan Rasulullah saw mengenai KEPIMPINAN

Daripada Abu Dzar R.A;

“ Saya berkata, ‘Wahai Rasulullah, mengapa tuan tidak mengangkat saya sebagai penjawat?’. Baginda menepuk bahu saya, kemudian bersabda, ‘Wahai Abu Dzar, sesungguhnya kamu adalah seorang yang lemah (dalam pengurusan), sedangkan sesungguhnya ia (jawatan) merupakan suatu amanah, dan sesungguhnya ia adalah kehinaan dan penyesalan pada hari Kiamat, kecuali bagi sesiapa yang memangkunya dengan benar dan menunaikan kewajibannya pada jawatan tersebut’.

Pengajaran:

Ini menjelaskan beratnya tanggungjawab sesuatu jawatan yang disandang sedangkan manusia beranggapan ia satu penghormatan & peluang keemasan.



**SELAMAT MAJU JAYA DAN
SEMOGA USAHA KITA MENDAPAT
KEBERKATAN**

Dikemaskini pada 8 Ogos 2023